

'SOP' pembukaan sempadan dengan Thailand, Singapura perlu diselaraskan'

Pekerja tidak perlu dikuarantin, jalani ujian PCR ketika ketibaan, pelepasan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Kangar: Kerajaan berharap prosedur operasi standard (SOP) pembukaan sempadan darat Malaysia-Singapura dapat diguna pakai dalam proses sama bagi pembukaan sempadan Malaysia-Thailand bermula 1 April ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata berdasarkan SOP yang bakal dilaksanakan di pintu sempadan Malaysia-Singapura, pekerja tidak lagi perlu dikuarantin dan menjalani ujian PCR atau RTK ketika pelepasan dan ketibaan.

"Ada berita gembira untuk penduduk utara di Perlis dan Kedah apabila mulai 1 April ini, Thailand bersetuju membuka pintu sempadan darat di Wang Kelian, Perlis dan Bukit Kayu Hitam, Kedah.

"Semalam, saya umum pembukaan sepenuhnya pintu sempadan Malaysia-Singapura melalui

udara, darat dan air dengan laluan pekerja yang berulang-alik secara harian juga dibuka serta dipermudahkan.

"Kita berharap SOP sempadan Malaysia-Singapura dapat dilaksanakan di pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand yang akan dibuka," katanya berucap pada program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di sini, semalam.

Yang hadir sama Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim serta Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa.

Kelmarin, kerajaan mengumumkan pembukaan semula sempadan darat Malaysia-Thailand berkuat kuasa 1 April ini dengan sebahagian besar SOP dilonggarkan.

Ia akan membolehkan pengembara dari kedua-dua negara yang lengkap vaksinasi merentas sempadan darat tanpa perlu menjalani kuarantin atau melaksanakan ujian saringan COVID-19, termasuk ujian prapelepasan dan semasa ketibaan.

Ismail Sabri berkata, pihaknya akan berbincang bersama kerajaan Thailand bagi membolehkan lebih banyak pintu sempadan darat lain di negara ini dalam tempoh masa terdekat.



Ismail Sabri menyampaikan sumbangan Yayasan Keluarga Malaysia selepas merasmikan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Kangar, semalam. (Foto Luqman Hakim zubir)

"Saya sudah meminta Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berbincang dengan kerajaan Thailand untuk membuka pintu sempadan di Padang Besar, Perlis dan kawasan lain di utara.

"Ini pastinya akan menyumbang kepada usaha pemulihan negara yang memberi impak po-

stif ke atas kelestarian ekonomi dan kesejahteraan kehidupan Keluarga Malaysia," katanya.

Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan RM5 juta bagi membolehkan kerajaan negeri Perlis melaksanakan kajian kebolehlaksanaan pembinaan jeti baharu di Kuala Perlis.

"Selepas kajian ini selesai, kita

akan melihat kemungkinan membina jeti baharu di Kuala Perlis," katanya.

Ketika ini, Jeti Kuala Perlis yang menjadi antara laluan utama ke Langkawi berhadapan masalah perairan berselut yang menyebabkan jadual feri terpaksa kerap ditunda sehingga menyusahkan pengguna.